



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**

**DIKELUARKAN PADA: 01 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**STATUS KUALITI UDARA**

Pada 1 Oktober 2015 (Khamis), bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam **1.00 petang** menunjukkan 6 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 28 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan **16 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat.** Kawasan-kawasan tersebut adalah seperti berikut:-

1.	Pelabuhan Klang SELANGOR	IPU 140
2.	Pasir Gudang, JOHOR	IPU 127
3.	Port Dickson NEGERI SEMBILAN	IPU 127
4.	Kota Tinggi JOHOR	IPU 124
5.	Shah Alam SELANGOR	IPU 123
6.	Banting SELANGOR	IPU 121
7.	Nilai NEGERI SEMBILAN	IPU 120
8.	Bukit Rambai, MELAKA	IPU 120
9.	Bandaraya MELAKA	IPU 118
10.	Batu Muda, KUALA LUMPUR	IPU 113

11.	Putrajaya W.P	IPU 110
12.	Seremban NEGERI SEMBILAN	IPU 109
13.	Petaling Jaya, SELANGOR	IPU 108
14.	Kuala Selangor, SELANGOR	IPU 107
15.	Samarahan, SARAWAK	IPU 107
16.	Larkin, JOHOR	IPU 107

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' atau 'App Store'.

**Status kualiti udara secara keseluruhannya pada petang ini masih lagi merosot dengan bilangan kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat' meningkat berbanding semalam, 30 September 2015. Jerebu merentas sempadan dari Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih mempengaruhi status kualiti udara dalam negara.**

### **BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 30 September 2015, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 18 mengesan sebanyak 92 titik panas (hotspot) di Kalimantan, Indonesia dan sebanyak 11 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, Indonesia. Walau bagaimanapun, bilangan titik panas (hotspot) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia tidak dapat dikesan sepenuhnya berikutan terdapat litupan awan. Sementara itu, tiada titik panas (hotspot) dikesan dalam negara.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh *ASMC* pada 30 September 2015 adalah seperti di **Rajah 1**. **Berdasarkan peta tersebut, pergerakan asap jerebu tebal dan sederhana dari kawasan-kawasan kebakaran di Kalimantan, Indonesia telah menghala ke Sumatera Selatan, Indonesia manakala asap jerebu tebal dan sederhana dari kawasan-kawasan kebakaran di Tengah dan Selatan Sumatera, Indonesia didapati menghala ke arah kawasan selatan dan barat Semenanjung Malaysia.**

## **RAMALAN CUACA UNTUK TEMPOH BEBERAPA JAM BERIKUTNYA**

**(Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia)**

Tinjauan cuaca sehingga 6 Oktober 2015, Angin Tenggara dijangka bertiup lemah untuk beberapa hari akan datang. Sehubungan itu, negara dijangka kembali mengalami cuaca sedikit lembap dengan hujan dan ribut petir di beberapa tempat boleh berlaku pada sebelah petang terutama bagi negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung dan juga bahagian barat negeri Sarawak dan Sabah. Cuaca lembap yang berlaku disebabkan pertukaran arah angin ini boleh mengurangkan keadaan jerebu buat sementara waktu sahaja dan keadaan jerebu ini dijangka akan berterusan untuk beberapa hari lagi.

Berdasarkan Model Hysplit serta keadaan corak tiupan angin semasa, asap jerebu sederhana hingga tebal dari titik-titik panas di wilayah Sumatera Selatan dijangka bergerak ke arah Barat Laut merentasi Jambi, Bengkulu dan Barat Sumatera sebelum memasuki perairan Lautan India dalam tempoh 48 jam berikutnya. Manakala asap jerebu dari titik panas di wilayah Bangka-Belitung dijangka akan bergerak ke arah wilayah Sumatera Utara dan Aceh melalui sepanjang Selat Melaka dalam tempoh 24 hingga 48 jam akan datang. **Asap jerebu sederhana hingga tebal dari titik panas di wilayah Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah dijangka akan bergerak ke arah Barat Laut merentasi Laut China Selatan ke arah Semenanjung Malaysia dalam tempoh sehingga 72 jam akan datang.**

## **PENJELASAN MENGENAI PERBEZAAN ANTARA INDEKS PENCEMAR UDARA (IPU) MALAYSIA DAN *POLLUTION STANDARD INDEX (PSI)* SINGAPURA**

Perbezaan bacaan IPU di Johor dan *Pollutant Standard Index (PSI)* di Singapura adalah disebabkan oleh sistem pengiraan indeks yang berbeza. Negara Singapura telah melaksanakan kiraan PSI berdasarkan habuk halus bersaiz kurang dari 2.5 mikrometer (PM<sub>2.5</sub>) semenjak 1 April 2014, sedangkan kiraan IPU di Malaysia berdasarkan habuk halus bersaiz kurang dari 10 mikrometer (PM<sub>10</sub>).

Secara umumnya, kiraan IPU berdasarkan parameter PM<sub>2.5</sub> akan memberikan bacaan yang lebih tinggi berbanding kiraan IPU berdasarkan PM<sub>10</sub>. Meskipun terdapat perbezaan

dalam kiraan, skala bacaan IPU pada tahap baik, sederhana, tidak sihat, sangat tidak sihat dan berbahaya masih sama bagi kedua-dua PM2.5 dan PM10.

Kiraan IPU di Malaysia adalah berdasarkan standard protokol antarabangsa iaitu *United States Environmental Protection Agency* (USEPA). Berdasarkan kajian oleh *World Health Organisation* (WHO), tempoh pendedahan selamat (*safe exposure level*) bagi kesan PM10 kepada manusia adalah 24 jam.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah membangunkan Standard Kualiti Udara Ambien yang baharu dengan memasukkan pencemar PM2.5 sebagai salah satu pencemar utama yang akan dikira dalam penentuan Indeks Pencemar Udara (IPU).

## **TINDAKAN-TINDAKAN DI PERINGKAT TEMPATAN**

Jabatan Alam Sekitar (JAS), NRE berterusan memantau rapi bacaan IPU di seluruh negara melalui 52 stesen pengawasan kualiti udaranya. Mekanisme tindak balas (*response mechanism*) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** di mana tindakan-tindakan telah diambil oleh agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

- (i) Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat (JPBBP) mengenai pengendalian bencana jerebu pada 30 September 2015;
- (ii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan penutupan semua sekolah di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pada 28 September 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 27 September 2015. KPM telah mengumumkan bahawa semua sekolah di Melaka dan Johor ditutup pada 29 September 2015, manakala di Johor masih ditutup pada 30 September 2015;
- (iii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan penutupan semua sekolah di Bahagian Kuching, Bahagian Sri Aman dan Bahagian

Samarahan, Sarawak pada 28 September 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 27 September 2015;

- (iv) Ketua Pengarah Alam Sekitar telah mengeluarkan Perintah Larangan Pembakaran Terbuka bagi seluruh negeri Johor pada 25 September 2015. Sementara itu, Perintah Larangan Pembakaran Terbuka bagi negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dikeluarkan semenjak bulan Mac 2014 sehingga kini masih berkuatkuasa. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring).
- (v) Satu Mesyuarat Khas Bagi Membincangkan Keadaan Jerebu Yang Melanda Negara telah diadakan dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 18 September 2015. Ia bertujuan memantau perkembangan terkini keadaan jerebu dan menyelaraskan tindakan-tindakan yang sedang dan telah diambil oleh agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu;
- (vi) Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) telah menjalankan operasi pembenihan awan pada 15 hingga 17 September 2015 sebagai tindakan untuk mengurangkan kesan jerebu di Semenanjung Malaysia dan negeri Sarawak. Operasi di negeri Sarawak diteruskan sehingga 23 September 2015.

## **TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA**

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 30 September 2015, sebanyak 3,431 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (598 kes), kawasan pertanian (1197 kes), kawasan industri (19 kes), kawasan pembinaan (67 kes), tapak pelupusan sampah

(94 kes), kawasan belukar (689 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (767). Bagi tempoh yang sama, sebanyak 216 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 15 kes telah dikeluarkan Notis Arahan dan 41 kes telah dikeluarkan Surat Arahan. Selain itu, sebanyak 23 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah.

## **NASIHAT KEPADA ORANG AWAM**

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.


Semasa keadaan berjerebu, orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengelakkan dari berada di luar rumah, mengurangkan aktiviti riadah luar dan sekiranya perlu berada di luar hendaklah memakai penutup hidung dan mulut (mask) serta mendapatkan nasihat kesihatan dengan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di alamat <http://www.infosihat.gov.my>.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**1 Oktober 2015**

PETA JEREBU SERANTAU, 30 SEPTEMBER 2015

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



**Regional Haze Update**

The hotspot activities in Sumatra and Kalimantan could not be fully determined due to cloud cover. Kalimantan continued to be shrouded in moderate to dense smoke haze and the haze has spread to the sea areas between Kalimantan and southern Sumatra. Some haze has also spread to the South China Sea. Moderate to dense smoke haze continued to persist in central and southern Sumatra.

Updated 7:34 PM 30 Sep